

### Panglima Awang

- » Merupakan seorang hamba tahanan kepada Ferdinand Magellan.
- » Personaliti sejarah dan individu yang dibuktikan wujud berdasarkan catatan dokumen.
- » Penulisan tentang Panglima Awang telah ditulis oleh beberapa sejarawan.
- » Antaranya Antonio Pigafetta, Gines De Mafra, The Geheuse Pilot, Antonio De Herrera y Tordesillas, Juan Sebastian Elcano dan Bartolome De Las Casas.
- » Penulisan mereka mengiktiraf artifak yang sahih digunakan sebagai sandaran dalam konteks arkeologi.

### Ferdinand Magellan

- » Dilahirkan antara 1470-1480.
- » Pelayaran Magellan mengelilingi dunia adalah secara kebetulan disebabkan Pope di Vatican melarang Sepanyol belayar di Timur kerana penjelajahan di laluan Timur telah diberikan kepada Portugal.
- » Sementara Sepanyol pula diberi peluang meneroka dan menjelajah benua di sebelah barat. Namun, pelayaran ini membawa Magellan tiba di Timur, Cebu dan Melaka, sekali gus melanggar perintah Vatican.
- » Walaupun seorang Portugis, namun Magellan telah berkhidmat di bawah Raja Sepanyol, King Charles V setelah berkonflik dengan Raja Portugal.



**P**ELAYARAN Panglima Awang mengelilingi dunia selepas 500 tahun kejatuhan Melaka bukanlah perkara baru yang membuktikan kehebatan Melayu dalam ilmu pelayaran.

Bahkan terdapat rekod dari Barat dan Arab yang mencatatkan tentang pelayaran jauh merentas lautan yang dilakukan oleh orang Melayu telah bermula sejak zaman pra sejarah akhir.

Menurut Profesor Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Zuliskandara Ramli,

catatan Blench ada menyatakan pelayar Austronesia atau Melayu sejak awal abad Masihi telah mengejungi kawasan timur pesisiran laut Afrika.

"Pelayar Melayu dikatakan sudah biasa dengan pelayaran di Lautan Hindi sehingga mereka boleh menduduki Madagascar. Bahasa Malagasi iaitu bahasa masyarakat Madagascar didapati amat rapat dengan bahasa



MOHD. SAMSUDIN

Malayo-Polynesia yang banyak dipertuturkan di Indonesia, Malaysia dan Filipina," katanya.

Tambahnya, kepakan Melayu yang begitu dekat dengan dunia maritim berkait rapat dengan bentuk muka bumi yang mempunyai banyak pulau dan perairan.

"Justeru, ilmu pelayaran dan perdagangan maritim tidak dapat dipisahkan dengan bangsa Melayu.

"Tidak hanya menjalankan aktiviti kelautan, masyarakat Melayu yang menetap di persisiran pantai turut menguasai ilmu dan kemahiran berkaitan laut," katanya.

Sementara itu, menurut pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Profesor Emeritus Dr. Hashim Musa, semangat, kegigihan dan kepakaran orang Melayu merentasi samudera dilambangkan dengan keunggulan Panglima Awang dalam dunia pelayaran.

"Panglima Awang merupakan seorang yang handal dalam ilmu

kelautan dan juru bahasa yang mahir dalam bahasa Melayu, Portugis dan Sepanyol.

"Semangat penjelajahan samudera yang dilambangkan oleh Panglima Awang merupakan tradisi maritim masyarakat Melayu," katanya.

Dalam pada itu, menurut pensyarah Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM, Dr. Mohd. Samsudin, kejayaan Panglima Awang dipengaruhi oleh ketinggian ilmu maritim dalam kalangan masyarakat di alam Melayu yang telah melalui perkembangan bidang sejak

berabad-abad lamanya.

"Masyarakat Melayu merupakan sebuah masyarakat maritim. Justeru, budaya dan corak hidup masyarakat itu berkait rapat dengan persekitaran laut."

"Orang Melayu sudah mula mencipta perahu sejak abad kedua lagi. Mereka berhubung di antara satu kawasan dengan kawasan lain menggunakan perahu dan kapal layar. Keupayaan menguasai ilmu maritim juga telah mempengaruhi kepercayaan masyarakat di alam Melayu terhadap unsur-unsur yang terdapat di laut," katanya.

# Laporan Khas Sabtu


## ENRIQUE MEWAKILI KEPAKARAN MELAYU

KISAH pelayaran Ferdinand De Magellan mengelilingi dunia sememangnya terkenal di merata tempat. Malah dia diiktiraf sebagai individu pertama yang mengelilingi dunia.

Hakikatnya, Magellan sebenarnya gagal melengkapkan ekspedisi pelayaran tersebut.

Pelayaran mengelilingi dunia itu bagaimanapun berjaya dilaksanakan Enrique of Melaka atau Panglima Awang bersama angkatan Magellan yang lain. Namun, ia tidak pula diketengahkan dalam sejarah barat.

Justeru bagi menyusuri sejarah Panglima Awang, wartawan S2, ROZIANAH RISMAN mendapatkan pendedahan dari para pengkaji dan ahli akademik dalam Seminar Antarabangsa Ketokohan Panglima Awang anjuran Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (Iksep) pada Mei lalu.



(Continued from page 1)



## Kenduri 10 hari terakhir Ramadan

&gt; MUKA 21

## Akauntan menipu untuk mewah

&gt; MUKA 23



## Shahira cinta alam sekitar

&gt; MUKA 25



# Wasiat Magellan sebut nama Enrique

**WASIAH** Ferdinand De Magellan merupakan salah satu sumber yang mendedahkan mengenai siapa Enrique atau Panglima Awang yang sebenarnya.

Menurut pengkaji sejarah, Yahaya Abu Bakar, berdasarkan wasiatnya itu, terkandung maklumat mengenai Enrique merupakan seorang tawanan perang dari Melaka yang berusia 26 tahun pada 1519.


"Kandungan wasiat ini turut menyatakan Magellan meminta Enrique dibebaskan pada hari kematiannya dan pembayaran sebanyak 10,000 Maravides perlu diberikan kepada Enrique bagi meneruskan kelangsungan hidupnya.

"Kebebasan dimaksudkan meliputi pembebasan keseluruhan daripada sebarang tuntutan dan obligasi yang membenggu seseorang hamba.

"Pernyataan umur Enrique di dalam wasiatnya menunjukkan bahawa dia dilahirkan pada 1493 dan menarik untuk diketahui bahawa Enrique merupakan anak tempatan Melaka atau sebenarnya anak kelahiran Melaka," katanya.

Asal-usulnya bagaimanapun banyak diperdebatkan oleh sejarawan. Daripada kisah pelayaran Magellan yang dicatat dalam diari Antonio Pigafetta, Enrique dikatakan berasal dari Sumatera. Ada juga pendapat lain menyatakan Enrique berasal dari Maluku, Indonesia dan Cebu, Filipina.

Jika dibandingkan tentang catatan Magellan dan Pigafetta mengenai asal-usul Enrique, maka kenyataan Magellan bahawa Enrique berasal dari Melaka adalah lebih berbasas.



YAHAYA ABU BAKAR



...berdasarkan wasiatnya itu, terkandung maklumat mengenai Enrique merupakan seorang tawanan perang dari Melaka berusia 26 tahun pada tahun 1519."

YAHAYA ABU BAKAR

"Ini kerana Magellan mengenal dan cukup rapat dengan Enrique selama beberapa tahun berbanding Pigafetta yang hanya bertemu dengan Enrique ketika dalam pelayaran sahaja.

"Enrique juga diletakkan pada posisi tertinggi berbanding keutamaan yang sepatutnya diberikan kepada ahli keluarga Magellan itu sendiri," katanya.

Terdapat sekurang-kurangnya dua dokumen arkib yang dapat



menerangkan tentang identiti, kedudukan dan peranan Enrique dalam pelayaran kepulauan rempah ratus bersama Magellan.


Pertama sekali berkaitan senarai anak kapal dan penempatan mereka mengikut kapal masing-masing.

"Enrique ditempatkan di Nao Trinidad bersama kapitan Hernando De Magallaes. Beliau berperanan sebagai juru bahasa atau penterjemah kepada Magellan.

"Dokumen tersebut menjelaskan bahawa Enrique menyertai pelayaran Magellan dengan belayar menaiki kapal Nao Trinidad dan dibayar gaji bulanan sebanyak 1,500 Maravides setiap bulan.

"Sementara maklumat lain pula mendedahkan kesemua pegawai dan anak kapal dibayar pendahuluan gaji selama empat bulan," katanya.

**GAMBARAN** kesibukan pelabuhan Seville pada abad ke-15 iaitu lokasi yang pernah disinggahi Ferdinand Magellan dan Enrique.



Jong

galleon

**LAKARAN** Jong Melayu yang lebih besar daripada kapal Galleon Portugis oleh Godinho. Petikan Anthony Reid. - YALE UNIVERSITY